

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HMP 202 Standardisasi Bahasa Malaysia Ejaan,  
Peristilahan dan Perkamusian

---

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam DUA(2) muka surat.

ARAHAN

- Jawab LIMA(5) soalan.
  - Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
  - Jawapan mestilah ringkas, lengkap, bernes dan analitikal.
  - Gunakan muka surat baru bagi setiap nombor soalan baru dan tulis nombor soalan berkenaan di bahagian atas kertas jawapan.
  - Di muka hadapan kertas jawapan, tulis nombor soalan yang dijawab sahaja mengikut nombor urutan 1 - 7.
1. Apabila Dewan Bahasa dan Pustaka telah melaksanakan perancangan bahasa maka satu kitaran baru di dalam proses perancangan bahasa akan bermula. Huraikan proses perancangan bahasa tersebut dan gunakan gambarajah untuk memudahkan penghuraian.
  2. Ahli bahasa menganggap bahawa bahasa itu ialah alat. Oleh kerana ia alat, maka ia dapat dirancang, diperbaiki, disusun semula dan disempurnakan. Apakah hubungan pernyataan ini dengan perancangan bahasa di Malaysia?
  3. Ramai pengguna bahasa menggunakan perkataan *santai* sebagai padanan perkataan "relax". Bincangkan berlakunya perkara ini di dalam bidang peristilahan.

4. Kata akar 'siar' dapat dibina menjadi:

- (a) penyiaran;
- (b) persiaran;
- (c) pesiarian.

Perlihatkan proses pembinaan bunyi atau pembinaan perkataan (gunakan rumus) sehingga terhasil ketiga-tiga perkataan di atas. Sertakan juga ayat yang sesuai bagi ketiga-tiga perkataan tersebut sehingga jelas perbezaan maknanya.

5. Perhatikan ayat yang berikut ini:

'Hujan di Universiti Sains Malaysia sekarang.'

Kenal pasti ayat di atas sama ada ia **betul** atau **salah**. Nyatakan pendapat anda dengan hujah yang meyakinkan dan sertakan Rajah Pohon yang sesuai.

6. Penghasilan bunyi, pembinaan kata dan pembinaan ayat bahasa Malaysia hingga kini masih belum memperlihatkan peribadinya. Apakah yang menyebabkan hal ini berlaku? Sertakan contoh yang sesuai bagi setiap aspek (bunyi, perkataan, ayat) sehingga huraihan anda menjadi jelas.

7. Berdasarkan kata akar 'skala', bina perkataan sebanyak-banyaknya. Setiap perkataan mestilah disertai:

- (a) lambang fonetik dan jenis perkataannya;
- (b) contoh ayat yang sesuai.